

DATE	10 / 9 / 2012	SECTION	National
PAGE	3	COLUMN	Tempatan

## Bakal haji disaran patuhi peraturan ditetapkan

KOTA KINABALU: Menteri Di Jabatan Ketua Menteri, Dato Sri Haji Nasir Tun Sakaran mengingatkan bakal-bakal haji Negeri memberi tumpuan beribadat dan rukun haji semasa mengerjakan ibadah haji di Mekah Al-Mukarramah.

Katanya, peluang dan kesempatan mengerjakan haji tidak mudah diperolehi dan jemaah hendaklah memanfaatkan sepenuhnya kesempatan itu dengan melaksanakan semua rukun haji dan ibadah sunat dengan penuh ikhlas dan tawadhu.

Sehubungan itu bakal haji diingatkan sentiasa menjaga kesihatan dan menjaga makan dan minum semasa di sana.

Katanya, pelaksanaan ibadah haji memerlukan kekuatan jasmani dan rohani serta melibatkan pergerakan yang progressif.

Nasir berkata demikian sempena merasmikan Kursus Perdana Haji Musim Haji 1433H/2012M di masjid Negeri di sini.

Hadir sama Pengurus Besar Kanan Sumber Manusia Lembaga Tabung Haji Malaysia, Haji Mohd. Rani Said Ali, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri (JHEAINS) Datuk Haji Amri Aliaman Suratman; Pengarah Tabung Haji Negeri Datin Nurlaila Said; ketua-ketua jabatan kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Selain itu Nasir juga menyarankan bakal haji sentiasa mematuhi arahan-arahan dan panduan keselamatan yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi dan Tabung Haji Malaysia.

Ujarnya, mereka hendaklah memberikan kerjasama erat dan sebarang kesulitan perlu dirujuk kepada petugas-petugas Tabung Haji.

Nasir menegaskan, jemaah haji Malaysia merupakan jemaah haji terbaik kerana sistem pelaksanaan fardhu haji teratur dan prihatin harus dijaga serta dipertahan dengan tidak terpengaruh dengan perlakuan yang boleh mencemarkan nama baik Malaysia.

"Jemaah haji juga merupakan duta kecil negara semasa di sana dan hendaklah menjaga tingkah laku dan sentiasa menumpukan tugas dan tanggungjawab terhadap Allah SWT," kata Nasir.

Nasir yang juga Menteri bertanggungjawab mengenai hal ehwal agama Islam Negeri berkata, seramai lebih 20,000 bakal haji masih lagi menunggu giliran dan berharap Tabung Haji Malaysia memberikan kelulusan tambahan.

Jemaah Haji Sabah setakat ini berjumlah 766 jemaah dan akan berangkat dengan penerbangan pertama pada 26 September ini.